



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



PENGARUH PEDAGOGI DALAM PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

***PEDAGOGICAL INFLUENCE IN THE INTEGRATION OF SOFT SKILLS AMONG
HIGH SCHOOL STUDENTS***

Ilangko Subramaniam^{1*}

¹ School of Languages, Literacies and Translation, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: ilangko@usm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.08.2021

Revised date: 12.08.2021

Accepted date: 29.08.2021

Published date: 09.09.2021

To cite this document:

Subramaniam, I. (2021). Pengaruh Pedagogi Dalam Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 329-344.

DOI: 10.35631/IJEPC.642027.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kemahiran insaniah atau soft skills merupakan kecekapan bukan akademik yang melengkapai pencapaian akademik seseorang pelajar bagi menghadapi alam pekerjaan pada masa hadapan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah penerapan kemahiran insaniah dan jenis kemahiran insaniah yang diberi penekanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sembilan sekolah terpilih di Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Kajian ini melibatkan kaedah temu bual bertumpu (focus group interview) dan temu bual individu yang terdiri daripada 119 pelajar tingkatan empat dan 26 orang guru Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran insaniah diterapkan secara langsung dan secara tidak langsung menerusi pelbagai aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu. Responden dari enam buah sekolah harian kurang mendapat pendedahan tentang kemahiran insaniah berbanding dengan responden dari sekolah berprestasi tinggi (SBT). Antara kemahiran insaniah yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kemahiran bekerjasama dalam kumpulan, keyakinan diri, berkomunikasi, berfikir secara kritis, kepimpinan, kemahiran mempengaruhi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kerja berpasukan merupakan antara kemahiran insaniah yang paling banyak dikesan di ketiga-tiga buah sekolah berprestasi tinggi yang terlibat dalam kajian ini. Sementara itu, aktiviti yang dijalankan untuk menerapkan kemahiran insaniah ialah perbincangan dalam kumpulan, pembentangan, lakonan, deklamasi puisi, bercerita, pengucapan awam, forum dan soal jawab. Walaupun kajian ini tidak menyeluruh dari segi bilangan sekolah dan responden namun dapatkan kajian

ini penting untuk menjelaskan kedudukan sebenar tahap penguasaan dan penerapan kemahiran insaniah khususnya di sembilan kes kajian ini.

Kata Kunci:

Pengaruh, Pedagogi, Penerapan, Kemahiran Insaniah, Sekolah Menengah, Bahasa Melayu

Abstract:

Soft skills are non-academic competencies that complement a student's academic achievement to face the world of work in the future. This study aims to identify ways of implementing soft skills and the kind of soft skills emphasized in the teaching and learning of the Malay language among secondary school students in nine selected schools in Kedah, Penang, and Perak. The study involved focus group interviews and individual interviews consisted of 119 students and 26 Malay language teachers. The findings show that soft skills apply directly and indirectly through various learning activities in Malay Language subjects. Respondents from normal schools received less exposure to soft skills compared to respondents from high-performing schools (HPS). Among the soft skills identified in this study are teamwork skills, self-confidence, communication, critical thinking, leadership, influencing skills, critical and creative thinking skills (CCTS), and problem-solving skills. Communication skills and teamwork skills were among the most detected soft skills in the three high-performing schools involved in this study. Meanwhile, the activities carried out to apply soft skills are group discussions, presentations, acting, poetry recitation, storytelling, public speaking, forums, and question and answer. Although this study is not comprehensive in terms of the number of schools and respondents, the findings of this study are important to explain the real scenario of the level of mastery and integration of soft skills, especially in the nine cases of this study.

Keywords:

Influence, Pedagogy, Integration, Soft Skills, High School, Malay Language

Pengenalan

Kemahiran insaniah dianggap sebagai kemahiran yang diperlukan oleh murid selain pencapaian akademik yang cemerlang untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan (Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Kemahiran ini dipelajari menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara formal dan tidak formal. Kemahiran ini juga bersifat boleh pindah atau dapat diaplikasikan dalam situasi dan keadaan lain. Kemahiran insaniah merupakan satu konsep yang dikaitkan dengan nilai kebolehpasaran seseorang dalam dunia pekerjaan. Penguasaan kemahiran insaniah diharap akan memperlihatkan perubahan positif dalam keperibadian pelajar dari segi sikap, kebolehan untuk mengawal diri, motivasi diri, keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja sebagai satu pasukan. Penerapan kemahiran insaniah diharap dapat meningkatkan ciri kebolehpasaran murid selepas menamatkan pengajian (Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Selaras dengan penekanan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, kajian ini bertujuan melihat secara mendalam tentang kaedah penerapan kemahiran insaniah dan jenis kemahiran insaniah yang diterapkan menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan pada tahun 2017 merupakan salah satu pendekatan baharu dalam proses mentransformasikan sistem pendidikan bagi menyahut seruan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan.

Sorotan Kajian

Salah satu cabaran sistem pendidikan pada abad ke-21 ialah penerapan kemahiran insaniah untuk menjadi modal insan yang dapat bersaing di pentas dunia. Lantas, pengembangan aspek penerapan insaniah dalam kalangan pelajar menjadi inti pati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Dalam usaha menyahut cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa penerapan kemahiran insaniah ini telahpun berkembang dalam persekitaran sekolah dan bilik darjah dari pelbagai aspek (Haslina Mohd. Yunus et al., 2017) memandangkan kemahiran-kemahiran ini akan kian berkembang melalui kematangan pelajar (Megat Aman Zahiri, 2007). Namun pemerincian lanjut masih diperlukan untuk memurnikan dan mengukuhkan tahap pemahaman dan penghayatan kemahiran insaniah. Kajian Haslina Md.Yunus et al. (2015) ke atas 400 pelajar dari tiga jenis sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan menunjukkan bahawa persekitaran sekolah dan aktiviti bilik darjah masih lagi pada tahap yang belum memuaskan untuk membentuk kemahiran insaniah, walaupun tahap pencapaian amalan kemahiran insaniah pelajar keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Dalam konteks ini, wajarlah bahawa para pendidik turut menyediakan dan menawarkan amalan pengajaran terbaik untuk pelajar bagi memastikan pemindahan dan proses perubahan berlaku seperti yang turut diketengahkan oleh Shulman (2011).

Dari sudut pandangan pengajaran kurikulum dan kokurikulum pula, kajian-kajian yang telah dibuat merangkumi penerapan kemahiran insaniah di dalam kelas serta dalam aktiviti kokurikulum. Antaranya, termasuklan mengkaji penerapan kemahiran insaniah dalam pelajaran agama (Mohd Zaini Zakaria et al.,2018; Fatiyah Ilyas et al., 2018); penilaian aktiviti kokurikulum di sekolah swasta terpilih (Abdul Munir Ismail et al.,2020); mahupun meneliti penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar aliran teknikal sekolah menengah vokasional (Noor Hisham Jalani, 2012). Namun, kajian kemahiran insaniah lebih mendapat perhatian dari aspek kajian yang berkaitan dengan para pendidik. Satu perkara yang agak ketara ialah kebanyakan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran insaniah dalam kalangan para pendidik dan siswa pendidikan masih pada tahap sederhana. Contohnya, dapatan kajian Mooi et al., (2020), menunjukkan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru di institusi pendidikan tertentu juga tidak menggalakkan. Contohnya, kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan tahap kemahiran siswa guru institusi pendidikan kampus yang dikaji adalah pada tahap sederhana. Keseluruhan pencapaian siswa guru pada tahap lemah (17%), sederhana (32%) dan tinggi (51%). Namun, kajian beliau telah merekodkan bahawa persepsi siswa guru tentang kemahiran mereka bagi kemahiran kerja berpasukan dan etika dan moral profesionalisme adalah tinggi manakala pencapaian bagi aspek lain hanya dicapai pada tahap sederhana. Walaupun, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada warga pendidik keseluruhan, namun, tahap pengetahuan mahupun persepsi pendidik penting dan harus didalami lagi untuk memantapkan penerapan kemahiran insaniah para pelajar. (Syed Ismail, Ismail, Ahmad dan Edahan 2018; Mooi et al., 2020). Tambahan pula, aspek pengetahuan dan persepsi pendidik amatlah penting dalam menjayakan penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, sama ada melalui kaedah pembelajaran dalam darjah mahupun secara tidak

langsung melalui aktiviti-aktiviti luar darjah dan kokurikulum (Abdul Munir Ismail et al., 2020; Irwan Fariza Sidik et al., 2020).

Usaha penerapan kemahiran insaniah secara formal dalam pengajaran dan pembelajaran dipengaruhi oleh kesediaan, kefahaman dan pengetahuan guru. Tanggapan ini telahpun dikemukakan oleh Barrie (2007) yang mempolopori pemahaman terhadap pengajaran kemahiran insaniah. Walaupun, konsep yang diutamakan oleh Barrie (2007) lebih menjurus kepada peringkat pengajian tinggi, pendapat beliau turut dijadikan penanda aras bagi pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Para pendidik boleh membina kerangka yang bersesuaian dengan tahap dan aspek kemahiran insaniah tertentu bagi aspek dan topik yang diajar. Dalam satu kajian berkaitan dengan masalah guru Bahasa Melayu terhadap aplikasi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran Komsas juga, Mat Isa dan Zamri Mahamod (2021) telah menekankan bahawa guru perlu menjana KBAT pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dengan mewujudkan pelbagai aktiviti semasa menjalankan proses pengajaran Bahasa Melayu. Walaupun tekanan telah diberi kepada KBAT, intipati aktiviti yang diketengahkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bertumpu kepada pemupukan kemahiran insaniah. Merujuk kepada Barrie (2007) lagi, enam aspek utama yang menyumbang kepada kecekapan generik dalam diri pelajar menerusi kurikulum dan aktiviti (formal dan tidak formal) termasuklah aktiviti-aktiviti pemulihan, penggabungan, pengajaran kandungan, proses pengajaran, pertautan serta juga aktiviti penglibatan yang dijalankan di peringkat sekolah akan memberi kesan apabila pelajar melangkah masuk ke institusi pendidikan tinggi dengan asas yang kukuh. Selaras dengan pandangan ini, England Trevor K., Nagel Gregory L., Salter Sean .P.(2020) pula menegaskan pembelajaran aktif yang bersifat kolobratif berkesan dalam menyemai kemahiran insan. Pelajar dapat memahami dan seterusnya menghayati kemahiran yang didedahkan melalui pelbagai kaedah. Sehubungan dengan ini, persediaan guru bagi memastikan keberkesanan penerapan kemahiran insaniah adalah sangat penting (Al-Houli, Ali I, Al-Khayatt, Abdul Kareem. A, 2020). Kajian persepsi guru tentang persediaan guru dalam usaha penerapan kemahiran insaniah menunjukkan bahawa para pendidik memahami kepentingan kemahiran insaniah namun kurang pendedahan formal tentang pendekatan bagi menerapkan kemahiran insaniah (Ilangko Subramaniam, 2013). Jika pelaksanaan secara terancang dan sistematik dijalankan maka isu kecekapan pelajar sekolah dan graduan di institusi pengajian tinggi yang menjadi polemik negara sekurang-kurangnya dapat dikurangkan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran insaniah, pengetahuan yang bersifat praktikal dalam situasi tertentu adalah penting bagi menentukan keberkesanan pembelajaran (Warrner Jennifer, 2020). Sejajar dengan ini, pengisian kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tingkatan empat menekankan elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Tingkatan 4, Kementerian Pelajaran Malaysia). Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Objektif mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah untuk menggunakan maklumat yang diperoleh bagi menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan. Justeru, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani. Dalam pada itu, kandungan sukatan pelajaran ini juga memberikan penekanan pada kemahiran berfikir

secara kritis dan kreatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernali tambah yang lain iaitu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual juga diserapkan dengan mengambil kira kesesuaianya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada. Tuntasnya, sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung, kurikulum Bahasa Melayu pada semua peringkat sekolah menengah menekankan kemahiran insaniah. Selaras dengan fokus dan penekanan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah, kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah penerapan kemahiran insaniah dan jenis kemahiran insaniah yang diberi penekanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Metodologi Kajian

Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memenuhi objektif kajian iaitu mendapatkan maklumat tentang kemahiran insaniah yang dikuasai oleh pelajar sekolah menengah dan aktiviti pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk menerapkan kemahiran insaniah. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual kumpulan bertumpu (*focus group interview*) dan temu bual individu. Sebanyak sembilan buah sekolah menengah dari negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak terlibat dalam kajian ini. Tiga buah sekolah dari setiap negeri telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam kajian ini berdasarkan kebenaran yang diperoleh daripada pihak pentadbiran sekolah. Daripada tiga buah sekolah, sebuah sekolah berprestasi tinggi dan dua buah sekolah harian telah dipilih untuk membandingkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi menerapkan kemahiran insaniah. Sampel kajian merangkumi guru dan pelajar tingkatan 4. Temu bual kumpulan bertumpu terdiri daripada dua kumpulan pelajar (6 hingga 8 orang) dari setiap sekolah dipilih untuk mengambil bahagian dalam temu bual kumpulan ini. Sejumlah 18 kumpulan yang melibatkan 119 orang pelajar tingkatan 4 telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam temu bual kumpulan ini. Tujuan temu bual kumpulan ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti pembelajaran yang disertai dan kemahiran insaniah yang dikuasai oleh pelajar. Secara khusus aspek yang telah ditekankan dalam temu bual kumpulan berfokus ini ialah pemahaman tentang kemahiran insaniah, strategi penerapan, jenis kemahiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu, aktiviti pembelajaran, tahap penguasaan dan kepentingan kemahiran insaniah. Selain itu, seramai 26 orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu(3 orang guru kecuali SMK PSRAS 2 orang guru) juga telah ditemu bual untuk mendapatkan maklumat tentang usaha penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Temu bual kumpulan bertumpu (pelajar) dan temu bual individu(guru) telah dirakamkan dan ditranskripkan.

Dapatan Kajian

Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Dapatan kajian dihuraikan secara diskriptif berdasarkan jadual bagi setiap sekolah. Dapatan kajian disimpulkan mengikut aspek pemahaman tentang kemahiran insaniah, strategi penerapan, jenis kemahiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu, aktiviti pembelajaran, tahap penguasaan dan kepentingan kemahiran insaniah.

Jadual 1. SMK PPBG - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Tidak tahu sehingga dijelaskan maksud.
Strategi Penerapan	Secara tidak langsung
Kemahiran dalam Pengajaran Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> - kerja kumpulan - komunikasi - mengemukakan idea/pendapat - kemahiran berfikir - KBAT
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. pembentangan: tema, persoalan, perwatakan dan unsur sastera yang lain daripada novel Jendela Menghadap Jalan ii. lakonan: melakonkan drama Berkhidmat untuk negara daripada antologi Jaket Kijang dari Istanbul. iii. berpantun/bersyair iv. bercerita
Penguasaan	<p>Sangat Baik :TIADA</p> <p>Baik :kerja kumpulan (kerja berpasukan)</p> <p>Sederhana :komunikasi</p> <p>:pembentangan</p> <p>:berfikir membuat keputusan</p>
Kepentingan	masa depan lebih cerah peluang kerjaya yang baik

Jadual 1 menunjukkan maklum balas daripada temu bual kumpulan bertumpu menunjukkan bahawa hampir 80 peratus responden tidak tahu maksud kemahiran insaniah. Justeru, penyelidik telah memberikan penerangan tentang maksud dan jenis kemahiran insaniah. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah terdiri daripada pembentangan komsas, lakonan dan cerita. Menurut responden penguasaan sebahagian besar daripada kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, pembentangan dan membuat keputusan adalah sederhana kecuali kemahiran kerja berpasukan adalah baik. Responden juga sedar bahawa masa depan mereka lebih cerah dengan menguasai kemahiran insaniah.

Jadual 2. SMK PPSKB - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Lebih memahami istilah <i>softskill</i> . -tentang keperibadian dan sifat dalam diri
Strategi Penerapan	secara langsung dan tidak langsung
Kemahiran dalam Pengajaran Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> -bekerjasama dalam kumpulan -keyakinan diri -berkomunikasi -berfikir secara kritis -kepimpinan -kemahiran mempengaruhi
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. pembentangan: isu semasa kemalangan jalan raya, pemanasan global, gejala sosial

		dan teknologi maklumat
	ii.	lakonan: melakonkan cerita rakyat – Puteri Gunung Ledang
	iii.	perbincangan dalam kumpulan
	iv.	memberi pendapat - soalan KBAT
	v.	Minggu Nilam – syair, sajak, bercerita
Penguasaan	Sangat Baik	:TIADA
	Baik	: komunikasi
		:kerja berpasukan
	Sederhana	:komunikasi
		:berfikir membuat keputusan
		:kerja berpasukan
Kepentingan		membentuk jati diri dan keyakinan diri persediaan bagi melanjutkan pelajaran peluang kerjaya yang baik
Maklumat lain		wajar diterapkan secara langsung

Jadual 2 pula menunjukkan bahawa responden lebih memahami istilah *softskill* berbanding kemahiran insaniah. Namun begitu, menurut responden kemahiran insaniah ialah sifat dalam dan keperibadian yang dimiliki oleh pelajar. Penguasaan kemahiran ini adalah secara langsung dan tidak langsung. Menurut responden, penguasaan kemahiran secara langsung adalah melalui ujian lisan, pembentangan dan aktiviti dalam kumpulan. Sementara secara tidak langsung pula penguasaan kemahiran dikuasai dengan menjawab soalan dan mengemukakan pendapat. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah seperti pembentangan dan perbincangan dalam kumpulan membolehkan pelajar menguasai kemahiran bekerjasama dalam kumpulan, keyakinan diri, berkomunikasi, berfikir secara kritis, kepimpinan dan kemahiran mempengaruhi. Penguasaan kemahiran insaniah pada tahap baik dan sederhana, khususnya dalam kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan membuat keputusan.

Jadual 3. SMK PPSM - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Tidak tahu sehingga dijelaskan maksud.
Strategi Penerapan	secara tidak langsung
Kemahiran dalam Pengajaran Bahasa Melayu	-komunikasi- pembentangan -kerja kumpulan -berfikir secara baik
Aktiviti	i. perbincangan dalam kumpulan ii. pembentangan iii. membacakan sajak iv. menjawab soalan pemahaman
Penguasaan	Sangat Baik : TIADA Baik : komunikasi : kerja berpasukan Sederhana : pembentangan : berfikir secara baik
Kepentingan	-mendapat pekerjaan yang baik -keyakinan diri bertambah baik

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, maklum balas daripada temu bual kumpulan bertumpu menunjukkan bahawa sebagian besar responden tidak tahu maksud kemahiran insaniah atau *softskill*. Justeru, penyelidik telah memberikan penerangan tentang maksud dan jenis kemahiran insaniah. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah terdiri daripada perbincangan dalam kumpulan, pembentangan, mendeklamasi sajak, dan menjawab soalan pemahaman. Menurut responden, penguasaan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan adalah baik. Sementara itu, kemahiran berfikir secara kritis adalah sederhana. Responden juga sedar bahawa peluang pekerjaan adalah sangat baik jika kemahiran insaniah dapat dikuasai dengan baik. Tambahan pula, keyakinan diri akan bertambah baik dengan penguasaan kemahiran-kemahiran ini.

Jadual 4. SMK KSSMJ - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Sebahagian daripada pelajar memahami istilah <i>softskill</i> . -kemahiran harian iaitu cara menghadapi masalah
Strategi Penerapan	secara langsung dan tidak langsung
Kemahiran dalam Pengajaran Bahasa Melayu	-berkomunikasi -bekerjasama dalam pasukan -berfikir secara kritis -bersosial
Aktiviti	i. bersoal jawab ii. forum membincangkan isu semasa, -Mat Rempit iii. pembentangan – ‘Munsyi’ iv. pengucapan awam dalam bulan bahasa v. deklamasi sajak – ‘Sang Gembala’ vi. lakonan – drama ‘Berkhidmat untuk Negara’
Penguasaan	Sangat Baik : TIADA Baik : komunikasi : keyakinan diri : kerja berpasukan Sederhana : berfikir membuat keputusan
Kepentingan	membantu dalam pencapaian akademik dan masa depan yang baik
Maklumat lain	sangat penting untuk dipelajari/dikuasai

Berdasarkan Jadual 4, maklum balas temu bual kumpulan bertumpu menunjukkan bahawa sebahagian daripada responden faham akan maksud *softskill* iaitu kemahiran sehari-hari seperti cara menghadapi masalah. Penyelidik telah memberikan penerangan lanjut tentang maksud kemahiran insaniah. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah terdiri daripada bersoal jawab, forum membincangkan isu semasa seperti masalah Mat Rempit, pembentangan, pengucapan awam semasa program bulan bahasa, mendeklamasi sajak dan lakonan drama daripada antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul iaitu ‘Berkhidmat untuk Negara’. Penguasaan kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan kerja berpasukan adalah baik. Sebaliknya, kemahiran membuat keputusan adalah sederhana. Responden juga sedar bahawa penguasaan kemahiran insaniah dapat meningkatkan prestasi akademik dan masa depan pelajar. Justeru, mereka bertanggapan bahawa kemahiran insaniah perlu dikuasai dengan sebaik mungkin.

Jadual 5. SMK KDBS - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Pelajar tidak faham akan maksud kemahiran insaniah atau <i>softskill</i> . Penyelidik telah menerangkan maksud kemahiran insaniah dan beberapa contoh kemahiran insaniah.
Strategi Penerapan	secara tidak langsung
Kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu	-kerja berpasukan -berkomunikasi -pembentangan -penyelesaian masalah
Aktiviti	i. tugas kerja kumpulan ii. pembentangan kandungan novel iii. latihan tatabahasa dan penulisan karangan iv. ujian lisan
Penguasaan	Sangat Baik : TIADA Baik : kerja berpasukan Sederhana : komunikasi : berfikir secara kritis : penyelesaian masalah
Kepentingan	penting untuk membaiki diri.
Maklumat lain	Tiada

Sementara itu, Jadual 5 menunjukkan bahawa pelajar tidak tahu maksud kemahiran insaniah mahupun *softskill*. Penyelidik telah memberikan penjelasan tentang maksud kemahiran insaniah. Menurut pelajar, aktiviti penerapan kemahiran insaniah terdiri daripada tugas kerja kumpulan, pembentangan kandungan novel, latihan tatabahasa, penulisan karangan dan ujian lisan. Antara kemahiran yang diberi penekanan dalam mata pelajaran bahasa Melayu ialah komunikasi, kerja berpasukan, pembentangan, dan penyelesaian masalah. Pada umumnya, penguasaan kemahiran adalah sederhana kecuali kemahiran kerja berpasukan yang menunjukkan penguasaan yang agak baik. Responden juga menyatakan bahawa penguasaan kemahiran insaniah dapat membaiki diri mereka.

Jadual 6. SMK KBDG - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Pelajar tidak faham akan maksud kemahiran insaniah atau <i>softskill</i> . Penyelidik telah menerangkan maksud kemahiran insaniah dan beberapa contoh kemahiran insaniah.
Strategi Penerapan	secara langsung-intonasi semasa berdialog
Kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu	-bekerjasama dalam pasukan -berkomunikasi -berfikir secara kritis -keyakinan diri
Aktiviti	i. mencari dan berbincang tentang isi dalam

		kumpulan
	ii.	bersoal jawab
	iii.	pembentangan
	iv.	lakonan drama
	v.	menulis rumusan, karangan dan pemahaman
	vi.	nyanyi lagu patriotik
Penguasaan	Sangat Baik	:kerja berpasukan
	Baik	:komunikasi :keyakinan diri :berfikir membuat keputusan
	Sederhana	:TIADA
Kepentingan		meningkatkan keyakinan diri dan dapat memahami pelajaran dengan mudah
Maklumat lain		TIADA

Jadual 6 pula menunjukkan bahawa responden tidak faham akan maksud *softskill*. Ada antara responden yang menyatakan bahawa kemahiran insaniah ialah berbual-bual. Penyelidik telah memberikan penerangan lanjut tentang maksud kemahiran insaniah. Di sekolah menengah ini, aktiviti penerapan kemahiran insaniah terdiri daripada aktiviti mencari dan berbincang tentang isi dalam kumpulan, bersoal jawab, pembentangan, lakonan drama, menulis rumusan, karangan, pemahaman dan nyanyian lagu patriotik. Sementara itu, penguasaan kemahiran insaniah pada tahap tinggi dalam kalangan pelajar ialah kerja berpasukan. Sementara itu, menurut pelajar penguasaan kemahiran komunikasi, keyakinan diri, dan kemahiran membuat keputusan adalah pada tahap baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Responden juga menyatakan bahawa penguasaan kemahiran insaniah dapat meningkatkan keyakinan diri dan dapat memahami pelajaran dengan mudah.

Jadual 7. SMK PMPB - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
--------------------	------------------------

Pengertian	Sekumpulan kecil pelajar tahu maksud <i>softskill</i> . -cara berkomunikasi / bercakap dengan orang lain -cara kerja dalam pasukan -menyelesaikan masalah -cara mendekati orang lain
Strategi Penerapan	secara tidak langsung
Kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu	-kerja dalam pasukan -berkomunikasi -berfikir secara pantas buat keputusan
Aktiviti	i. permainan balang beracun – buat ayat ii. permainan mush mellow strategy iii. pembentangan – prosa tradisional ‘Kepimpinan Melalui Teladan’ iv. perbincangan -perwatakan
Penguasaan	Sangat Baik :komunikasi Baik :kerja berpasukan :membuat keputusan

		:menyelesaikan masalah
Kepentingan	Sederhana	:teknologi informasi
duga		memberi keyakinan semasa cari kerja – cara menghadapi temu
Maklumat lain		banyak menekankan aktiviti kokurikulum – nilai kepimpinan, kerja pasukan dan menyelesaikan masalah

Jadual 7 menunjukkan kumpulan pelajar dari sekolah ini faham akan maksud *softskill*. Menurut pelajar-pelajar ini softskills ialah kebolehan berkomunikasi, kerja dalam kumpulan, menyelesaikan masalah dan cara mendekati orang lain. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah dilakukan secara tidak langsung melalui aktiviti pembentangan dan berosal jawab. Dalam pada itu, penguasaan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan berada pada tahap tinggi. Sementara itu, penguasaan kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berada pada tahap baik. Pelajar juga menyatakan bahawa penguasaan kemahiran teknologi informasi adalah sederhana. Responden juga menyatakan bahawa mereka akan berkeyakinan untuk menghadapi temu duga pekerjaan pada masa akan datang. Menurut mereka lagi, kemahiran insaniah juga banyak diperoleh melalui aktiviti kokurikulum.

Jadual 8. SMK PSRTAS - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden												
Pengertian	Hampir semua pelajar memahami istilah <i>softskill</i> . <ul style="list-style-type: none"> - kemahiran berkomunikasi - kemahiran dalaman seseorang - cara seseorang membawa diri - kemahiran selain daripada akademik - berdikari dalam kehidupan - pergaulan sehari-hari 												
Strategi Penerapan	secara tidak langsung												
Kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> - berkomunikasi - bekerjasama dalam pasukan - berfikir secara kritis - kreativiti - kepimpinan - penyelesaian masalah 												
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. berosal jawab ii. pembentangan Peta I-Think iii. kerja kumpulan iv. pementasan drama ‘Berkhidmat untuk Negara’ v. deklamasi sajak 												
Penguasaan	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">Sangat Baik</td> <td>:komunikasi</td> </tr> <tr> <td></td> <td>:kerja berpasukan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>:berfikir secara kreatif</td> </tr> <tr> <td>Baik</td> <td>:keyakinan diri</td> </tr> <tr> <td></td> <td>:berfikir membuat keputusan</td> </tr> <tr> <td>Sederhana</td> <td>:TIADA</td> </tr> </table>	Sangat Baik	:komunikasi		:kerja berpasukan		:berfikir secara kreatif	Baik	:keyakinan diri		:berfikir membuat keputusan	Sederhana	:TIADA
Sangat Baik	:komunikasi												
	:kerja berpasukan												
	:berfikir secara kreatif												
Baik	:keyakinan diri												
	:berfikir membuat keputusan												
Sederhana	:TIADA												

Kepentingan	meningkatkan keyakinan diri dan peluang pekerjaan lebih terjamin
Maklumat lain	wajar diberi penekanan yang lebih mendalam

Maklum balas temu bual kumpulan bertumpu dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa pelajar telah mendapat pendedahan awal tentang kemahiran insaniah. Menurut kumpulan pelajar ini kemahiran insaniah atau *softskill* ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran dalaman seseorang, cara seseorang membawa diri, kemahiran selain daripada akademik, berdikari dalam kehidupan dan pergaulan sehari-hari. Aktiviti penerapan kemahiran insaniah pula terdiri daripada bersoal jawab, pementasan, pembentangan I-Think, mendeklamasi sajak dan kerja kumpulan. Penguasaan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan berfikir secara kreatif adalah sangat baik. Sementara itu, keyakinan diri dan kebolehan untuk membuat keputusan adalah baik. Responden juga sedar bahawa penguasaan kemahiran insaniah dapat meningkatkan keyakinan diri dan menjamin peluang pekerjaan yang baik. Maka, pelajar berharap agar penekanan yang lebih mendalam wajar diberikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 9. SMK PPBG - Aktiviti Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Insaniah	
Kemahiran Insaniah	Maklum Balas Responden
Pengertian	Hanya beberapa orang yang faham maksud <i>softskills</i> . -kemahiran bertutur -kemahiran mempengaruhi orang lain
Strategi Penerapan	secara langsung
Kemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu	-kerja dalam pasukan -berkomunikasi -berfikir dan melontarkan idea
Aktiviti	i. kerja kumpulan ii. pembentangan iii. perbincangan iv. mendeklamasi sajak
Penguasaan	Sangat Baik : kerja berpasukan Baik : komunikasi Sederhana : berfikir membuat keputusan : teknologi informasi
Kepentingan	-akan berasa lebih yakin dan tidak akan terasa tertekan -selain itu senang untuk mengingati pelajaran.
Maklumat lain	-TIADA

Jadual 9 menunjukkan beberapa orang responden berupaya menerangkan maksud *softskill*. Menurut pelajar-pelajar ini *softskill* ialah kemahiran bertutur dan keupayaan mempengaruhi orang lain. Menurut pelajar penerapan kemahiran insaniah dilakukan secara langsung melalui aktiviti kerja kumpulan, pembentangan, mendeklamasi sajak dan perbincangan. Dalam pada itu, penguasaan kemahiran kerja berpasukan adalah pada tahap tinggi. Sementara itu, penguasaan kemahiran berkomunikasi berada pada tahap baik. Pelajar juga menyatakan bahawa penguasaan kemahiran teknologi informasi dan berfikir untuk membuat keputusan

adalah sederhana. Responden juga menyatakan bahawa mereka akan lebih yakin dan tidak akan berasa tertekan. Malahan, pelajaran dapat diingati dengan lebih mudah.

Maklum Balas Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Secara umumnya, guru-guru yang terlibat dalam kajian ini arif akan maksud kemahiran insaniah atau *softskills*. Menurut guru-guru yang telah ditemu bual, kemahiran insaniah merupakan komponen kemahiran yang diajar secara formal dan tidak formal seperti aspek kesantunan, etika, kemahiran bersosial, kebolehan berkomunikasi, nilai kepemimpinan, keupayaan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, bekerjasama, jati diri dan kemahiran-kemahiran harian yang lain. Namun begitu terdapat juga dalam kalangan guru yang tidak kurang arif akan maksud kemahiran insaniah. Setelah penyelidik menjelaskan maksud sebenar kemahiran insaniah, guru-guru ini mengaku bahawa mereka tahu dan telah melakukan penerapan kemahiran insaniah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran insaniah yang paling banyak diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ialah komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, kemahiran berfikir KBAT (kemahiran berfikir aras tinggi), pemujukan, pemikiran kritis dan kreatif. Aspek penggunaan bahasa yang fasih, menepati rumus bahasa dan kesantunan berbahasa difokuskan dalam kemahiran komunikasi. Dalam pada itu, kemahiran kerja berpasukan pula menekankan nilai kerjasama, menghormati, menerima pandangan dan memberi peluang kepada rakan lain. Antara aktiviti yang dijalankan secara formal ialah ujian lisan, penilaian soalan KBAT, soal jawab, pembentangan, syarahan, ucapan dan perbahasan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran insaniah secara tidak formal pula termasuklah permainan bahasa, pementasan, mendeklamasi sajak, menyanyi, perbincangan, dan pembentangan. Guru juga memberikan contoh-contoh aktiviti seperti permainan ‘Kerusi Panas’, nyanyian lagu ‘Ayam’, lakonan ‘Berkhidmat untuk Negara’ dan menghasilkan iklan.

Rumusan Dapatan Kajian

Majoriti pelajar khususnya dari sekolah bukan prestasi tinggi tidak didedahkan tentang kemahiran insaniah secara formal. Sebahagian besar daripada pelajar yang ditemu bual tidak tahu keperluan dan kepentingan kemahiran insaniah. Sebaliknya, lebih mementingkan penguasaan kandungan pelajaran bagi mencapai keputusan akademik yang cemerlang.

Berdasarkan analisis, penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi bagi kebanyakan kemahiran. Namun begitu, maklumat daripada temu bual menunjukkan hanya kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan adalah tinggi, khususnya di sekolah-sekolah berprestasi tinggi.

Sebahagian besar guru faham akan keperluan dan kepentingan kemahiran insaniah untuk diterapkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat juga dalam kalangan guru yang ditemu bual tidak tahu tentang kemahiran insaniah atau *softskills*.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan kemahiran insaniah dilakukan secara tidak langsung di sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini. Guru menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran tanpa mengetahui bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu menekankan kemahiran insaniah yang khusus. Hanya kemahiran komunikasi melalui ujian lisan dan kemahiran berfikir melalui aktiviti menjawab soalan pemahaman KBAT atau kemahiran berfikiran aras tinggi, yang menekankan kemahiran insaniah secara formal.

Guru bertanggapan bahawa usaha penerapan kemahiran insaniah akan menambahkan beban kerja mereka. Persediaan tambahan perlu dilakukan untuk menerapkan kemahiran insaniah.

Guru amat sedar akan kepentingan dan keperluan untuk menerapkan kemahiran insaniah secara lebih formal. Justeru, mereka menyokong usaha penerapan kemahiran insaniah dan mencadangkan agar pendedahan secara formal diberikan kepada para guru.

Perbincangan

Kajian ini memberi gambaran tentang usaha penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sembilan buah sekolah menengah. Walaupun kajian kes ini tidak dapat digeneralisasikan namun dapatan daripada kajian ini masih dapat digunakan dalam usaha perancangan dan pelaksanaan dasar dan prosedur penerapan kemahiran insaniah di sekolah. Berasaskan dapatan kajian ini, usaha telah dilakukan untuk menerapkan kemahiran insaniah di sekolah menengah namun begitu pelaksanaannya tidak terancang. Justeru, pihak Kementerian Pendidikan perlu mengatur strategi yang afdal bagi menggerakkan semula usaha penerapan kemahiran insaniah. Pendekatan pertama yang perlu dilakukan ialah memberi pendedahan tentang kepentingan kemahiran insaniah kepada pelajar di semua sekolah menengah. Justeru, sebagaimana yang disyorkan oleh Barrie (2007), bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu juga, perancangan yang bersifat sistematik dan menyeluruh perlu dilakukan dengan menggabungkan kemahiran insaniah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara langsung. Seperkara lagi yang perlu diutamakan ialah, pelajar-pelajar Tingkatan Empat akan melangkah masuk ke alam pengajian tinggi atau juga alam pekerjaan tidak lama selepas pengajian mereka. Kemahiran insaniah yang dipelajari dibangku sekolah dapat dipupuk dan dimantapkan dengan lebih berkesan sekiranya pelajar ini mempunyai pendedahan yang sepatutnya dari bangku sekolah lagi. Pihak Kementerian Pendidikan perlu menekankan beberapa kemahiran insaniah yang asas untuk semua sekolah dalam matapelajaran Bahasa Melayu untuk memperkasakan pelajar dengan kemahiran insaniah yang spesifik. Sekolah juga boleh menetapkan kemahiran tambahan yang lain mengikut keperluan melalui kepelbagaian aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pendapat ini selaras dengan pendapat Nur Shahirah Mat Isa dan Zamri Mahamod (2021) yang mengesyorkan agar pelbagai aktiviti perlu dijana dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Untuk meningkatkan kecekapan guru dalam merancang aktiviti-aktiviti terperinci dan spesifik, para pendidik juga perlu meningkatkan pengetahuan pedagogi pengajaran bahasa Melayu setiap masa mengikut tahap penguasaan pelajar serta juga mengikut keperluan semasa dan masa depan pelajar. Perkongsian ilmu dalam pedagogi pengajaran perlu diwar-warkan dengan komuniti pendidik bagi membuka ruang dan peluang untuk mencuba dan meneliti pedagogi yang bersesuaian untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar menerusi pengajaran bahasa Melayu. Dalam pada itu, disyorkan agar kumpulan pakar kemahiran insaniah perlu dibentuk untuk mengenal pasti perincian bagi setiap kemahiran insaniah. Kumpulan ini juga perlu menghalusi aspek-aspek yang perlu diberi penekanan dan perhatian semasa penyampaian pelajaran. Strategi penerapan kemahiran insaniah dalam mata pelajaran juga wajar dikenal pasti untuk disebarluaskan kepada semua guru. Hasil kajian ini sangat penting kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Perguruan dan fakulti pendidikan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini untuk melakukan penilaian dan pembaharuan dalam usaha penerapan kemahiran insaniah secara spesifik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, institusi pendidikan tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia dapat merancang strategi yang relevan bagi memurnikan pelaksanaan penerapan kemahiran insaniah di sekolah.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, dapatan kajian kes ini telah mendedahkan beberapa maklumat penting tentang cara-cara guru menerapkan kemahiran insaniah dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah. Pelbagai kaedah pedagogi seperti lakonan, soal jawab, pembentang, deklamasi sajak, aktiviti kumpulan dan sebagainya dijalankan untuk menerapkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, pemikiran kreatif, kepimpinan dan keyakinan diri. Namun begitu, usaha penerapan kemahiran insaniah ini adalah secara tidak langsung dan tidak bersifat menyeluruh. Justeru, pihak penggubal dan perancang kurikulum pada peringkat atasan perlu merangka dan menyusun pendekatan yang lebih menyeluruh agar usaha penerapan ini dapat dilakukan secara formal. Pendekatan yang digunakan oleh guru dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah dan kekangan untuk merealisasikan usaha ini akan menentukan sejauh manakah pelajar berjaya menguasai kemahiran insaniah.

Dalam pada itu, lebih banyak kajian khususnya tentang pelaksanaan dan keberkesanannya penerapan kemahiran insaniah pada peringkat sekolah.

Penghargaan

Ucapan penghargaan kepada pihak UNIVERSITI SAINS MALAYSIA yang menawarkan Geran Jangka Pendek (6312111) untuk menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Munir Ismail, Zulkifli Osman & Ahmad Effat Mokhtar (2020). Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Swasta Terpilih Melahirkan Pelajar Berdikari – Analisis Kualitatif. *Borneo International Journal* eISSN 2636-9826, 3(2) ,1-5
- Al-Houli, Ali I, Al-Khayatt, Abdul Kareem. A (2020). Assessing the Soft Skills Needs of Teacher Education Students. *International Journal of Education and Practice*, v8 n3 p416-431
- Barrie C.B. (2007), A Conceptual Framework for the Teaching and Learning of Generic Graduate attributes. *Studies in Higher Education*, 32, (4) 439 – 458.
- Bilah, M. S., Mohd Hama, H. F., & Mat Yusof, f. J. (2018). Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar KKTM di Johor Mengikut Perspektif Pelajar. *Human Sustainability Procedia*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1153>
- England Trevor K., Nagel Gregory L., Salter Sean.P.(2020) Using Collaborative Learning to Develop Students' Soft Skills. *Journal of Education for Business*, v95 n2 p106-114.
- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maizatul Suraya Muhammad Nor (2018). Elemen Kemahiran Insaniah dalam Pendekatan Berpusatkan Pelajar Pengajaran Akidah Sekolah Rendah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5(2),113–122.
- Haslina Md Yunus Abdul Razaq Ahmad Anisa saleha. (2015). Kemahiran Insaniah ke Arah Pembentukan Potensi Pelajar. Proceeding: *7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7, 2015. Retrieved from <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3041/2971>
- Haslina Md Yunus, Abdul Razaq Ahmad & Anisa Saleha (2017). Proceeding: *7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7, 2015.
- Ilangko Subramaniam. (2013). Teachers Perception on Their Readiness in Integrating Soft Skills in the Teaching and Learning. *Journal of Research & Method in Education*, ISSN: 2320-737X 2(5),19-29

- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang & Abd Razaq Ahmad (2020). Keterlibatan Pelajar dan Hubungan dengan Kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 45(1). Isu Khas.68-74.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas. *Asian People Journal (Apj)*, 4(1), 93-107. <Https://Doi.Org/10.37231/Apj.2021.4.1.255>
- Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainudin Abu Bakar, Mohd Ali Ibrahim, MegatAman Zahiri Megat Zakaria, Muhammad Abu Hadi Bunyamin. (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. *Kertas Institusi Fakulti Pendidikan*, UTM.
- Mohd Zaini Zakaria, Muhamad Amar Mahmad & Mohd Nizho Abdul Rahman (2018). Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam PDPC Kursus Tarannum Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Berdasarkan Konsep Penilaian CIPP. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. 14(1). 76-84.
- Mooi, Ong Yoke et al. (2020). Tahap Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Siswa Guru Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, [S.I.], 18(2). 116-131. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12246>.
- Nor Hasmaliza Hassan dan Zamri Mahamod (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2),78-90.
- Nur Shahirah Mat Isa, Zamri Mahamod (2021). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas. *Asian People Journal 2021*, Vol 4(1), 93-107
- Saemah Rahman, Seri Bunian Mokhtar, Ruhizan Mohd Yassin & Izham Mohd Hamzah. (2011). Generic Skills Among Technical Student in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 15: 3713-3717.
- Shulman, L.S. (2011). The Scholarship of Teaching and Learning: A Personal Account and Reflection. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning* 5(1). Retrieved from <http://www.georgiasouthern.edu/ijsotl>.
- Warrner, Jennifer(2020). Integrating Soft Skills into an Academic Curriculum *American Association for Adult and Continuing Education*, Paper presented at the American Association for Adult and Continuing Education 2020 Conference (Online, Oct 27-30, 2020)